

09 OCT 2003

Malaysia-Catat

M'SIA CUBA MEMECAHKAN REKOD DUNIA GUNA LOGAM SEBAGAI BAHAN API
KENDERAAN

CYBERJAYA, 9 Okt (Bernama) -- Malaysia maju lagi dalam bidang teknologi apabila kenderaan pertama menggunakan logam sebagai bahan api kenderaan siap untuk dilancarkan di sini Sabtu ini.

Pada hari itu, Malaysia akan cuba memecahkan tiga rekod dunia pertama sebagai pengeluar terbaru dalam teknologi kenderaan elektrik.

Percubaan pertama ialah untuk menjadi pengeluar kenderaan pertama dunia dalam All Electric Hybrid yang dipandu menggunakan bahan api logam yang dicaj menerusi bateri Nickel-Zinc.

Kedua untuk mempamerkan pengisian semula sel bahan api logam pertama di dunia dalam kereta elektrik yang dipandu selepas pengisian semula.

Yang akhir ialah rekod jarak jauh bagi pengeluaran kereta yang telah diubahsuai menggunakan kuasa bahan api logam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melepaskan kenderaan itu dengan nama "MeVictory 3" yang dimajukan oleh Pusat Merekacipta Teknologi yang pertama di negara ini, InventQjaya Sdn Bhd yang akan dipandu mengatasi rekod dunia sebelum ini sejauh 344.67km, Sabtu ini.

Terdahulu, dua buah kereta yang telah diubahsuai, menggunakan kuasa metal air fuel-sel yang dipasang oleh Evonyu of Elsford, New York memandu sejauh 344.67 km pada jalan raya tanpa pengisian semula atau perkongsian pada 2 Okt, 2000.

Pada satu prebiu mengenai kenderaan itu hari ini, ketua juruteknologi Tze-pin Tsoi berkata, kilang kuasa kenderaan itu dibina sebegini rupa bagi membolehkan pengeluaran kuasa-kuda 30kilowatt.

Katanya, kenderaan itu ialah Honda Insight, boleh mencapai kelajuan maksimum melebihi 100 km sejam tetapi untuk pandu uji hari ini, ia memakan masa antara 80 dan 90km sejam.

"Kenderaan itu menggunakan 36 unit air zinc fuel sel dan nickel zink yang membolehkan bateri dicaj semula serta lengkap dengan 100 peratus sistem integrasi kenderaan," kata beliau.

Tsoi menerangkan bahawa menggunakan jenis teknologi hybrid dalam kenderaan sedang dimajukan sejak empat hingga lima tahun lepas di Amerika Syarikat dan juga inventQjaya, Malaysia.

Kenderaan itu, kata beliau seberat 2,500 paun dan tidak mengeluarkan asap karbon, bunyi serta bebas daripada pencemaran.

"Pada hari percubaan memecahkan rekod dunia, kita bercadang memandu kenderaan ini ke utara Semenanjung Malaysia," kata beliau.

-- BERNAMA

RIZ BK